

# RM93.7 juta kerugian penipuan pelaburan

Polis terima 672  
laporan sejak  
awal tahun ini

Oleh Faris Fuad  
faris.fuad@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Sebanyak RM93.7 juta nilai kerugian direkodkan akibat penipuan 672 kes pelaburan haram sejak awal tahun ini.

Daripada jumlah itu, 467 laporan yang diterima adalah pelaburan dalam talian dengan kerugian dialami mangsa mencecah RM52.3 juta, manakala bakinya penipuan pelaburan secara ber-

semuka (RM41.4 juta).

Pemangku Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Saiful Azly Kamaruddin, berkata sindiket itu menawarkan beberapa pakej dan menjanjikan keuntungan lumayan sehingga 13 kali ganda daripada modal dilaburkan pada masa singkat.

“Sindiket ini meminta mangsa masukkan wang ke akaun individu atau syarikat untuk dijadikan modal pelaburan.”

“Selepas itu, suspek akan menunjukkan jumlah keuntungan dalam satu platform seperti ‘meta trader’ untuk meyakinkan mangsa.

“Sebagai syarat untuk menuntut keuntungan, mangsa diminta mem-



**Saiful Azly menunjukkan barangan rampasan** pada sidang media khas mengenai pelaburan dalam talian di Kuala Lumpur, semalam.  
(Foto BERNAMA)

buat bayaran lain seperti yuran perjanjian dan bayaran kelulusan Bank Negara Malaysia (BNM).

“Sindiket menggunakan platform media sosial seperti Facebook dan Telegram,” katanya pada sidang media di Ibu Pejabat JSJK Bukit Aman, di Menara KPJ, di sini, semalam.

Mengulas perkembangan berkaitan, Saiful Azly berkata, polis mengenal pasti 13 sindiket penipuan pelaburan dalam talian yang dipercayai aktif menjalankan kegiatan itu sejak pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

Katanya, sindiket itu ialah i-Rakyat Trade, IQ Option, Global Investment, Wei Jian Zhi, Olymp Trade, AA Anthony, Global Trader, People Global Network, Rakuten Trade, Wine Exchange China, GWF Global, Private Investment Trade Dubai (PITD) dan London Stock Exchanges (LSE).

Sementara itu, Saiful Azly berkata, polis menumpaskan satu sindiket pelaburan dalam talian dikenali sebagai i-Rakyat, susulan penahanan 10 individu termasuk seorang wanita, kelmarin dan Selasa lalu.

Semua suspek berusia antara 19 hingga 31 tahun ditahan sekitar

Dang Wangi, Seri Petaling dan Jalan Klang Lama selepas dipercayai terbabit sindiket itu yang dikesan mengaut keuntungan sehingga RM200,000.

Katanya, sindiket itu yang dipromosikan menerusi laman web, kononnya beroperasi di Lembah Klang yang memfokuskan pelaburan dalam bidang gas dan minyak pada peringkat antarabangsa.

“Modus operandi i-Rakyat memfokuskan empat pakej utama. Pertama, Pakej Gold memerlukan modal RM800 dengan pulangan RM10,800 selepas dua hari,” katanya.